

04 FEB 2001

Mahathir-Perayaan

MALAYSIA AKAN KEKAL, AMAN DAN MAJU KERANA TOLERANSI RAKYATNYA

PULAU PINANG, 4 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata rakyat negara ini telah membuktikan Malaysia akan kekal, aman dan maju kerana rakyatnya cintakan keamanan dan bersikap toleransi antara satu sama lain.

Malah, Perdana Menteri berkata, Malaysia yang mempunyai rakyat pelbagai kaum telah membuktikan ramalan semasa merdeka dahulu bahawa negara ini tidak mungkin kekal, aman dan maju sebagai salah.

"Kita telah membuktikan kepada dunia bahawa kita cintakan keamanan, bersikap toleransi terhadap satu sama lain, dapat merayakan perayaan satu sama lain," katanya ketika berucap di majlis rumah terbuka peringkat kebangsaan yang pertama sempena Tahun Baru Cina di sini.

Beliau berkata, walaupun rakyat negara ini terdiri daripada tiga masyarakat utama - Melayu, Cina dan India dan 34 suku kaum lain di Sabah dan Sarawak - mereka dapat hidup aman, damai dan harmonis.

Menurutnya, tradisi bersama-sama merayakan perayaan pelbagai kaum di negara ini telah menjadi sebahagian daripada tradisi Malaysia.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat ingin menjadikan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Keaamatan, Gawai dan Krismas sebagai perayaan rumah terbuka kebangsaan.

Katanya, ini adalah untuk membolehkan semua kaum di negara ini berkenal-kenalan dan menghilangkan syak wasangka terhadap orang lain, bak kata pepatah Melayu "Tak Kenal Maka Tak Cinta."

Sebagai seorang yang dipilih mengetuai negara melalui pilihan raya, beliau meminta semua kaum seperti Melayu, Cina, India, Bajau, Kadazan dan Iban bersama-samanya memajukan negara ini.

"Dengan ini, marilah kita bekerja bersama-sama untuk mencapai kejayaan cemerlang menjelang tahun 2020, menjadi sebuah negara maju," katanya.

--BERNAMA

AHM ZB